



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
RUHANI BINTI MOHD ZAIN
TOKOH MAK YONG**

OLEH:

FARHA AINA BINTI A'IDRUS	2014316105
SITI NURUL IDAYU BINTI MAHMAD	2014147877

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
RUHANI BINTI MOHD ZAIN
TOKOH MAK YONG

OLEH:

FARHA AINA BINTI A'IDRUS	2014316105
SITI NURUL IDAYU BINTI MAHMAD	2014147877

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah SWT. Kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasikan Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan Terima Kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604- Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan) , Puan Nor Kamariah Bt Chik yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima Kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Puan Ruhani Binti Mohd Zain, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kepada beliau kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan, beliau telah mengorbankan masa dan kerja beliau untuk memberikan informasi tentang Mak Yong.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa serta rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar kepada kami semasa menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	1 - 2
Biodata Tokoh.....	3 - 4
Pengenalan.....	5 - 9
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	10 - 19
Bahagian 2: Latar Belakang Mak Yong.....	20 - 35
Bahagian 3: Cerita Rakyat.....	36 - 49
Bahagian 4: Perjuangan Mak Yong.....	50 - 73
Bahagian 5: Soalan Tambahan.....	74 - 91
Rujukan.....	92
Lampiran	
Log Wawancara.....	94 - 102
Diari Kajian.....	105 - 106
Senarai soalan.....	107 - 114
Surat Perjanjian.....	115
Gambar.....	116 - 117
Indeks.....	118

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Puan Ruhani Binti Mohd Zain dan Farha Aina bersama Siti Nurul Idayu mengenai sejarah Mak Yong. Transkrip temubual ini dijalankan di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan di Kota Bharu, Kelantan, di mana tempat Puan Ruhani bekerja pada 18 April 2016 bermula jam 11 pagi. Beliau adalah salah seorang tokoh Mak Yong yang telah bergiat selama 47 tahun. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau di zaman dahulu dan sekarang selain daripada mengenai kejayaan beliau dalam menaikkan nama Mak Yong di Kelantan. Temu bual ini lebih tertumpu kepada cerita rakyat di Negeri Kelantan. Mak Yong adalah salah satu yang membawa cerita rakyat dalam bentuk persembahan dan nyanyian. Seterusnya, kejayaan Mak Yong telah diiktiraf sebagai UNESCO.*

Kata kunci: *Mami, Cerita Rakyat, Mak Yong, Kelantan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	Puan Ruhani Binti Md Zain
NAMA PANGGILAN	Mami
UMUR	62 Tahun
WARGANEGARA	Malaysia
ALAMAT	864-U ,Jalan Padang Penjara Chepa, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan
E-MAIL	Mykuasa@gmail.com syahaa2000@gmail.com

PENGENALAN

PENGENALAN

Mak Yong diasaskan di Kerajaan Pattani yang kini merupakan sebahagian daripada Thailand. Oleh kerana ia diwarisi secara lisan dikalangan kampung, usia sebenar Mak Yong tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun, fakta yang ia bebas daripada pengaruh-pengaruh luar menunjukkan ia sekurang-kurangnya berusia 800 tahun dan hampir pasti lebih awal lagi. Menurut Hikayat Patani Mak Yong dibawa ke Kelantan lebih 200 tahun dahulu. Dari situ ia berkembang ke Kedah dan negeri-negeri lain.

Lagenda biasanya mengaitkan tarian dengan semangat padi yang digelar Mak Hiang tetapi yang lain mempercayai ia dicipta oleh makluk digelar Semar. Para sejarahwan tidak pasti samaada Mak Yong berasal dari tradisi rakyat atau teater istana. Sungguhpun begitu ia ditonton oleh semua lapisan masyarakat untuk menghormati semangat padi, berterima kasih bagi tuaian atau merawat penyakit.

Semasa di Patani, Mak Yong biasanya dipersembahkan di istana sehingga 1920 di mana ia sering dipertontonkan dikalangan orang biasa. Mak Yong pertama kali disebut dalam Hikayat Patani bertarikh sekitar kurun ke-18 sebagai pertunjukan di Nara Yala, istana Patani (Teeuw and Wyatt, 1970). Semasa kurun ke-19 ia tersebar dari Selatan Thailand ke Kelantan di Timur Semenanjung Malaysia dan seterusnya melalui Tanjung Kurau (kini Singapura) ke kepulauan di Indonesia yang ketika itu merupakan sebahagian dari Kesultanan Melayu kerajaan Johor - Riau, Lingga.

Perbezaan antara Mak Yong sebagaimana yang terdapat di Kelantan, yang tidak menggunakan sebarang topeng, Mak Yong dari Batam dan Bintan menggunakan topeng seperti di Nara Yala, kawasan asal, bagi bilangan dayang seperti pelayan peribadi Raja (Raja, atau anak lelakinya) dan Puteri (Ratu atau anak perempuannya), penjenayah, jembalang dan semangat. Pada kurun sebelumnya, Mak Yong bukan sekadar pertunjukan harian, tetapi ia turut digunakan sebagai upacara bagi raja memerintah.

Mak Yong juga telah digunakan bagi berubat orang yang sakit teruk. Amalan ini tidak lagi diamalkan di Indonesia. Orang terakhir yang melakukannya adalah Tuk Atan di

Bintan dan Pak Basri di Batam, keduanya telah meninggal. Mak Yong bagaimanapun masih ditontonkan bermula dan berakhir dengan upacara. Mentera yang di ucapkan oleh dua orang di atas telah diwarisi oleh keturunan mereka. Pertunjukan Mak Yong di Batam dan Bintan pada masa kini merupakan bentuk keturunan ketiga. Mak Yong di Batam dan Bintan telah wujud bagi 150 tahun dan masa kini terancam dengan kepupusan sekiranya tiada dokumentasi dan latihan pelakonnya dilakukan.

Pada awal abad ke-20, tarian Mak Yong mula berkembang ke merata-rata kampung tanpa naungan istana. Punca utamanya adalah kerana kedatangan British ke Kelantan telah mengurangkan kedudukan ekonomi raja-raja ini. Faktor inilah yang mengakibatkan kemerosotan mutu persembahan dalam generasi kedua, iaitu zaman selepas Bah Air Merah pada tahun 1926 hinggalah tahun-tahun 1950-an. Unsur-unsur komersil pertunjukan Mak Yong telah memeralatkan nilai-nilai estetik klasik yang ada dalam Mak Yong. Persembahan Mak Yong yang diadakan dengan cara pemajakan akan bermula dari pukul 8.30 malam hingga pukul 11.00 malam sahaja. Kemudian, persembahan diberhentikan dan alat-alat muzik biola dan akordion menggantikan rebab dan serunai untuk memainkan lagu-lagu joget. Penonton-penonton akan naik pentas untuk menari joget dengan penari-penari Mak Yong.

Nilai moral penari-penari Mak Yong juga mula merosot. Banyak sekali kisah-kisah sumbang di antara penari-penari Mak Yong dengan penonton-penonton selepas selesai persembahan Mak Yong, dan perceraian di kalangan suami isteri dan anak-anak Mak Yong merupakan satu perkara yang biasa sahaja. Malah ada di kalangan penari Mak Yong yang berasa bangga dengan jumlah bilangan suami yang dapat dikutip oleh mereka. Pandangan masyarakat terhadap penari-penari Mak Yong mula merosot dan mula hilang kepercayaan terhadap moral mereka. Keadaan ini mempercepatkan lagi kejatuhan imej Mak Yong.

Pada akhir-akhir 1960-an, sudah tidak banyak lagi kumpulan Mak Yong yang wujud, dan tidak banyak lagi orang yang berminat mempelajari seni tari ini. Kemasukan pengaruh-pengaruh kebudayaan Barat yang meluas menggelapkan lagi permainan Mak Yong. Kalau ada pun persembahan Mak Yong pada masa perayaan seperti Hari Keputeraan Sultan, persembahan itu hanya dikerumuni oleh orang-orang tua. Kumpulan generasi ketiga tarian Mak Yong telah dipelopori oleh Kumpulan Seri Temenggung, sebuah kumpulan belia. Guru-

guru Mak Yong yang terdiri daripada orang-orang lama dari generasi pertama telah diambil untuk melatih mereka dalam tarian-tarian dan nyanyian-nyanyian Mak Yong yang asli seperti yang terdapat pada masa generasi yang pertama dulu. Dengan latihan itu, unsur-unsur yang asli mula dihidupkan kembali.

Mak Yong berkembang di Indonesia melalui Riau, Lingga, yang pernah menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Johor. Perbezaan dengan Mak Yong yang terdapat di Kelantan yang tidak menggunakan topeng, Mak Yong di Batam dan Bintan menggunakan topeng bagi sebahagian watak dayang Raja, Puteri, penjahat, setan, dan semangat, sama seperti yang diamalkan di Nara Yala. Pada akhir abad lepas, Mak Yong bukan sahaja menjadi persembahan harian, tetapi juga sebagai istiadat raja memerintah. Mak Yong juga digunakan bagi merawat orang sakit. Amalan ini tidak lagi diamalkan termasuk di Indonesia. Antara orang terakhir yang mengamalkan Mak Yong bagi merawat pesakit adalah Tuk Atan di Bintan dan Pak Basri di Batam, keduanya telah meninggal. Mak Yong bagaimanapun masih dipersembahkan dengan istiadat di pembuka dan penutup panggung. Mentera yang diamalkan diwarisi dari seorang kepada warisnya.

Di Batam dan Bintan masa kini pengiat Mak Yong merupakan generasi ke tiga dan telah wujud hampir selama 150 tahun dan berhadapan ancaman kepupusan. Kerajaan Indonesia telah mengambil langkah memelihara Mak Yong dengan melancarkan program merakamkan tradisi ini dengan bantuan Persatuan Tradisi Lisan dan membantu kumpulan pengiat Mak Yong meneruskan persembahan mereka dengan bantuan peralatan dan pakaian. Rakaman tersebut disimpan di pejabat Persatuan Tradisi Lisan dan PUSKAT di Jakarta (Yogyakarta).

Terdapat 7 jenis persembahan Makyong yang pernah wujud. Setiap jenis persembahan Makyong mempunyai sedikit perbezaan yang membezakan di antara satu dengan yang lain. Jenis-jenis Makyong tersebut ialah:-

Mak Yong Patani	Ditemui di Pattani, Yala dan Narathiwat, tiga buah wilayah di Selatan Thailand yang dahulunya merupakan Wilayah Kesultanan
-----------------	--

	Melayu Patani.
Mak Yong Kelantan	Ditemui di Negeri Kelantan dan Daerah Besut, Terengganu, Malaysia.
Mak Yong Kedah	Ditemui di Negeri Kedah, Mmalaysia.
Mak Yong Laut	Ditemui di Negeri Perlis (Malaysia) dan Wilayah Satun (Thailand).
Mak Yong Riau	Ditemui di Wilayah Riau, Indonesia.
Mak Yong Medan	Ditemui di Medan, Wilayah Sumatera Utara, Indonesia.
Mak Yong Kalimantan	Ditemui di Kalimantan, Indonesia.

Dalam latihan Mak Yong tradisi, setiap pemain akan diajar keseluruhan peranan watak dalam Mak Yong, termasuk Raja, Permaisuri, bangsawan istana dan pelawak termasuk para panglima. Mereka turut diajar pelbagai kisah Mak Yong, termasuk Dewa Muda, Dewa Pecil dan Hijau-hijau Intan Permata. Selain itu, mereka akan belajar sejumlah besar lagu pengiring Mak Yong, termasuk Pak Yong Muda, Sedayung Mak Yong, Sedara Tonggek, Kisah Barat, Barat Cepat, Lagu Khabar ke Pengasuh dan Mengulit. Selepas seseorang pelajar telah menguasai kesemua aspek ini mereka akan menamatkan pengajaran dengan melalui upacara sembah guru sebagai tanda tamatnya pembelajaran Mak Yong.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Pada *lapan belas* [18] April, Jam *sebelas* [11] pagi saya Farha Aina dan pasangan saya Siti Nurul Idayu akan menemuramah seorang tokoh Mak Yong, iaitu Puan Ruhani Mohd Zain di *Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan* [Malaysia]. Ini adalah untuk memenuhi keperluan subjek *Imr enam kosong empat* [604], Sejarah Lisan. Hasil dari temu ramah ini *Inshaallah* [Dengan Izin Allah] akan dikongsi supaya cerita ini tidak ketinggalan dan akan dikenali seterusnya diingati oleh rakyat. Terima kasih Puan atas kesudian untuk ditemuramah. Boleh kita mula?

R : Boleh, sama-sama

Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

FA : Farha Aina
R : Ruhani
SINI : Siti Nurul Idayu

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

FA : Ok, boleh saya tahu serba sedikit mengenai Puan?

R : Saya Ruhani Mohd Zain, nama gelaran lah timangan itu orang panggil Mami la biasanya.

FA : Ok, berapa umur?

R : Umur saya masuk *enam puluh* [60] *masuk enam puluh dua* [62] tahun sekarang.

FA : Lahir dimana?

R : Lahirnya di *Labok, Machang* [Kelantan, Malaysia] tapi banyakkian di besarkan di *Kota Bharu* [Kelantan, Malaysia].

FA : Tinggal disini?

R : Ya (tanda betul).

FA : Mami anak keberapa dalam keluarga?

R : Anak yang *ketiga* [3].

FA : Yang *ketiga* [3] daripada?

R : Daripada *empat* [4] adik beradik, *dua* [2] orang mak yang sama, bapa yang sama, yang *dua* [2] orang lagi, lain-lain Mak.

FA : Mami tinggal di mana kawasan sini?

R : Tinggal di *Pengkalan Chepa* [Kelantan, Malaysia].

FA : *Pengkalan Chepa* [Kelantan, Malaysia]. Adakah ibu Mami masih hidup?

R : Ibu kira semua dah tiada lah. Ibu dan bapa sudah meninggal.

FA : Boleh tahu nama bapa Mami?

R : Nama bapa Mami Mohd Zain bin Ahmad.

FA : Nama ibu Mami?

R : Ibu Cik Bidah Binti Mustafa.

FA : Mereka asal daripada mana?

R : Ibu saya daripada *Kuala Krai* [Kelantan, Malaysia] dan ayah daripada *Machang* [Kelantan, Malaysia].

FA : Status Mami sekarang?

R : Kira *balu* [janda] lah (ketawa).

FA : Suami Mami dah meninggal kan?

R : Sudah meninggal. Dekat *sepuluh* [10] tahun lepas.

FA : Nama suami?

R : Saari bin Abdullah

FA : Adakah suami Mami seorang yang aktif dalam Mak Yong?

R : Ya (tanda betul), dia arwah ini dia seorang yang kira anak jati Mak Yong. Dia daripada keturunan Mak Yong daripada keluarga dia.

FA : Dia meninggal pada umur?

R : Pada umur dia *lima puluh dua* [52] tahun.

FA : Sakit apa?

R : Kencing manis.

FA : Jadi selepas kematian suami Mami, Mami tinggal dengan siapa?

R : Mami tinggal dengan anak-anak.

FA : Adakah keturunan Mak Yong ini dari Mami atau dari sebelah suami?

R : Dari sebelah suami Mami.

FA : Boleh Mami ceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga Mami contohnya anak Mami berapa orang?

R : Saya berkahwin pada umur saya *lapan belas tahun* [18] tahun, dan banyaklah tempat menjelajah *KL* [Kuala Lumpur, Malaysia], *Melaka* [Malaysia] sebelum itu *Kelantan* [Malaysia] kan. Lepas itu mempunyai anak *empat* [4] orang, *Tiga* [3] dah berkahwin, *seorang* [1] lagi belum.

FA : Adakah antara mereka mengikut jejak langkah Mami dalam giat seini?

R : Ada, ada yang lain semua memang bergiat dalam Mak Yong cuma dia banyak bekerja macam *meniaga* [berniaga], cuma *seorang* [1] sahaja yang betul-betul mengikuti Mak Yong.

FA : Boleh saya tahu tentang pencapaian akademik Mami dari sekolah rendah?

R : Mami kelulusan tingkatan *tiga* [3].

FA : Sekolah mana Mami?

R : Sekolahnya daripada *Sekolah Puteri dekat Kompleks Sekolah, Wakaf Mek Zainab* [Kota Bharu, Kelantan].

FA : Pengajian tertinggi Mami adalah tingkatan *tiga* [3]?

R : Ya (tanda betul)

FA : Kenangan pahit dan manis Mami zaman sekolah ada ke?

R : Zaman sekolah ada. Masa pernah lah dulu Cikgu buat tarian kat sekolah, jadi kita macam *blur-blur* [samar-samar] lagi buat persembahan untuk ibu bapa. Ke hulu hilir kita macam sampai sekarang masih ingat lagi. Orang ke depan kita ke belakang *blur-blur* [samar-samar] (ketawa) dan kenangan pahit juga ialah bodohnya aku (ketawa) benda macam itu pun tidak boleh buat

FA : Kiranya Mami memang bergiat aktif dari zaman sekolah lah?

R : Ya (tanda betul), tidak juga tapi bergiat juga.

FA : Apakah hobi atau aktiviti Mami pada masa lapang?

R : Mami suka menjahit.

FA : Cita-cita sebenar Mami apa?

R : Cita-cita Mami entah nak kata cita-cita sebab dah berumur sekarang kan. Tapi kalau Mami boleh nak tengok kumpulan Mak Yong tak kira lah Mak Yong siapa-siapa pun kira maju ke depan lagi lah. Biar dikenali ramai.

FA : Idola Mami siapa?

R : Idola Mami nya- terutama suami Mami lah, pasal dia pun orang Mak Yong, bapa mertua Mami, Pak Lah Kupang dan Cik Kemala.

FA : Matlamat hidup Mami?

R : Matlamat *gapo* [apa] (ketawa) Maksudnya macam mana?

FA : Contohnya apa matlamat hidup Mami? Apa yang Mami nak dalam hidup Mami? Berjaya dalam hidup ke?

R : Ok, ok. Yelah kita dah tua kan kalau boleh nak senang lah, tidak mahu susah (ketawa).

FA : Sebelum ini, Mami dah pernah di temu ramah oleh siapa tak?

R : Pernah.

FA : Daripada siapa?

R : Daripada *UM* [Universiti Malaya], *USM* (Universiti Sains Malaysia), *UMK* (Universiti Malaysia Kelantan), Kolej-kolej banyak.

FA : Kolej swasta?

R : Ya (tanda betul).

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG MAK YONG

FA : **Sekarang saya nak tanya *pasal* [tentang] asal usul Mak Yong. Boleh Mami ceritakan sedikit tentang perjalanan hidup Mak Yong suatu ketika dahulu.**

R : Ok. Pada *satu* [1] ketika dahulu Mak Yong ini dia pada asalnya memang lah dia daripada Istana. Apabila daripada Istana, dirangkumi oleh kerabat Istana. Kemudian lepas itu baru lah Mak Yong terkeluar daripada Istana, buat di kampung-kampung untuk masyarakat tengok Mak Yong.

FA : **Jadi Mak Yong dah terkenal dari dulu?**

R : Dulu memang terkenal lah, kalau dahulu mereka boleh datang tengok Mak Yong sebab zaman dulu mereka mana ada *tv* [televisyen] ke apa kan. Sebab itulah orang-orang dahulu lebih mengenali Mak Yong dari budak sekarang. Budak sekarang tak nampak Mak Yong sebab dia lebih kepada zaman-zaman sekarang.

FA : Boleh kami tahu, dalam Mak Yong ada pantang larang ke?

R : Pantang larang dia tidak boleh pakai selipar. Semasa persembahan tidak boleh pakai selipar. Nak makan kacang pun tidak boleh. Kacang-kacang yang biasa ini kan tidak boleh sebenarnya. Dan rotan itu tidak boleh langkah. Dengan barang muzik tidak boleh langkah. Itu adalah pakaian kita.

FA : Mak Yong ini asal dia dipersembahkan eksklusif untuk para bangsawan, dan golongan istana kan?

R : Dulu ya (tanda betul). Sekarang pun ada tetapi sekarang ini sudah terdedah. Di Istana pun boleh dekat luar pun boleh main.

FA : Persembahan seni Mak Yong merupakan hiburan istana ketika zaman dulu? Apakah nama raja ketika waktu itu yang telah mengiktiraf persembahan seni Mak Yong sebagai hiburan istana?

R : Dia ialah Tengku Temenggong, Long Ghaffar *Dua* [2] masa itu.

FA : Apakah unsur yang terdapat di dalam persembahan Mak Yong?

R : Unsur-unsur yang terdapat dalam Mak Yong apa ya. Maksud dia apa.

FA : Maksudnya, unsur-unsur apa yang perlu ada pada masa persembahan Mak Yong pada masa dahulu?

R : Dulu memang lah, dulu dia kena ada asap kemenyan nak buat buka panggung itu, ada beras kunyit kan. Semua itu kena ada dulu.

FA : Benda ini memang kena ada?

R : Ya (tanda betul) dulu memang kena ada untuk buka panggung.

FA : Mak Yong ini memang asal dari Kelantan [Malaysia] betul-betul ke atau dulu daripada lain?

R : Dia setahu saya, dia memang lah daripada Cik Siti Wan Kembang. Dia sebenarnya yang menjadi penaung kepada Mak Yong. Tetapi apabila orang kata Mak Yong daripada *Pattani* [Thailand] tetapi dia memang daripada Istana Kota Bharu [Kelantan].

FA : Boleh Mami terangkan serba sedikit tentang fungsi sebenar persembahan seni Mak Yong? Adakah ianya hanya untuk hiburan atau lain?

R : Dia sebenarnya Mak Yong ini adalah persembahan dan untuk hiburan. Ada lagi Mak Yong untuk berubat orang sakit. Tetapi itu sebelum Mak Yong, dia main

Pateri. Masa itu dia berubat. Contohnya orang itu angin Mak Yong, dia akan berubat cara Mak Yong. Tapi kami lebih kepada persembahan.

FA : Yang Mami cakap pasal berubat tadi, berubat dari segi apa?

R : Dari segi contohnya orang itu sakit, tidak lalu makan, tidur, kurus kering semua itu kita berubat nak tengok angin apa. Kalau angin dia Mak Yong, dia *kena* [perlu] *main* [bermain] Mak Yong lah.

FA : Kalau angin Mak Yong, dia boleh bangun buat persembahan?

R : Ya (tanda betul), dia boleh bangun. Esok nya boleh makan, berjalan boleh. Ini bukan cerita reka. Tetapi memang betul. (ketawa)

FA : Apakah perasaan Mami sendiri atau penari-penari Mak Yong ketika melakukan persembahan?

R : Perasaan itu kalau berjaya dengan penonton ramai, menadapat sambutan ramai, memang bangga lah.

FA : Memang selalu ramai?

R : *Alhamdulillah* [Segala Puji Bagi Allah] yang lepas-lepas itu memang ramai

FA : Sebelum ini Mami ada kan buat persembahan kan? Dimana?

R : Contohnya macam kita buat di *Sabah* [Malaysia], di *Sabah* [Malaysia] kan mana ada orang faham *Kelantan* [Malaysia] kan. Tapi *dua* [2] malam kan kami buat jelajah, penuh auditorium. Jadi kami rasa macam bangga tau. Bangga setiap malam interview. Benda ini macam mereka terima walaupun mereka takfaham. Mereka terima walaupun dialog tidak difahami.

FA : Selalunya Mak Yong kalau menari, berapa orang?

R : Ramai boleh tetapi sebenarnya tak kisah.

FA : Seorang pun boleh ke?

R : Boleh tapi tiada inang lah (ketawa)

FA : Mami ada baju tradisional tak?

R : Baju kalau dulu kebaya *je* [sahaja]. Macam kebaya kain sarung. Tapi sekarang diubah suai untuk menarik orang muda untuk tengok Mak Yong.

FA : Jadi ada baju dia sendiri?

R : Ya (tanda betul).

FA : Mami nak tanya, kami ada tengok dari internet, Mami gunakan rebab. Apakah maksud mengadap rebab?

R : Rebab maksud dia penari-penari Pak Yong dan inang akan pergi ke-- contohnya siapa main rebab. Dia akan tunggu depan itu. Ibarat kata rebab itu guru kepada persembahan. Kalau tiada rebab tidak boleh main Mak Yong.

FA : Rebab itu muzik ke apa?

R : Ya (tanda betul) muzik. Muzik rebab (ketawa)

FA : Apakah watak-watak yang perlu ada di dalam setiap persembahan Mak Yong?

R : Watak utama dia kena ada Pak Yong, Perang Itua, Perang Muda. Itu wajib kalau nak buat sesuatu cerita memang *kena* [perlu] ada.

FA : Macam kalau watak-watak itu, ada ke watak-watak baik dan jahat?

R : Ada, kita tengok atas cerita.

FA : Mami boleh bagi contoh?

R : Contoh kita buat cerita dewa. Mesti ada watak jin. Atas cerita yang kita bawa. Tetapi tidak semua cerita yang bawa cerita jahat. Ada juga cerita pasal bergaduh adik-beradik pun ada. Berperang pun ada.

FA : Adakah pakaian Pak Yong dan Mak Yong dari zaman dahulu dengan zaman sekarang sama?

R : Pak Yong sama. Cuma *colour* [warna]. Orang zaman dahulu warna hitam kain semua hitam. Tapi sekarang pelbagai warna. Cuma yang menjadi Mak Yong itu dulu dan sekarang berbeza. Dulu pakai kebaya, sekarang pakai *glamour* [glamor], *shining* [berkilat] . Lagi *vogue* [bergaya]. (ketawa)

FA : Ada perubahan ke tidak kesemua watak di dalam persembahan Mak Yong pada zaman sekarang dengan zaman dahulu kala?

R : Sebenarnya kita tidak ada perubahan sangat. Cuma kalau dulu lagu mengadap rebab yang nak panggil itu panjang. *Tiga* [3] *empat* [4] lagu barulah panggil Pengasuh keluar. Tapi sekarang, kita pendekkan jadi satu lagu. Itu je yang berbeza. Tapi benda itu kalau orang nak yang betul-betul *pure* [asli]. Tetapi kami tak banyak lari dari Mak Yong zaman dahulu. Dulu banyak lagu, sekarang hanya *satu* [1] lagu. Pendek kata, Pak Yong dengan Pengasuh kalau *start* [mula] pukul *sembilan* [9], pukul *dua belas* [12] belum tentu siap. Cerita entah kemana lagi. Sekarang kita terpaksa pendekkan atas keadaan semasa. Kalau dulu *tiga* [3] malam Mak Yong mempersembahkan *satu* [1] cerita, sekarang hanya sejam setengah *clear* [kosongkan] atas pentas. Tetapi benda itu tak lari. Cerita tetap ada. Cerita ada, nyanyi ada dan segalanya ada dalam sejam lebih.

FA : Kalau dulu lama?

R : Dulu lama. *Tiga* [3] malam, *lima* [5] malam.

FA : Hanya untuk lagu dan persembahan?

R : Ya (tanda betul) untuk lagu dan persembahan sahaja. Contoh cerita Raja Gondang. *Tiga* [3] malam *lima* [5] malam sebab apa. Cerita tak berjalan lagi. Tengok jam dekat pukul *satu* [1] pagi. Baru *dua* [2] *tiga* [3] watak berjalan

sambung esok pula. Itu punca sebenarnya. Benda itu boleh *kerat* [ringkaskan] je tapi zaman dahulu tidak biasa.

FA : Berapa jenis alat muzik yang Mami gunakan?

R : Alat muzik ialah gendang anak, gendang ibu, gong atau tetawak dan rebab. Yang lain ialah canang semua itu, untuk Raja berjalan ke kolam untuk sedapkan lagi.

FA : Apa alat muzik gendang anak?

R : Kalau ada rebab, *kena* [perlu] ada gendang ibu dan anak.

FA : Benda itu wajib ada lah?

R : Ya (tanda betul) benda itu wajib, iaitu *tiga* [3]. Gendang ibu, gendang anak dan gong. *Kena* [perlu] ada.

FA : Kami ada tengok dekat internet berkenaan dengan apakah yang dimaksudkan dengan alat muzik seterusnya iaitu sepasang tetawak?

R : Sepasang tetawak ibu dan anak yang gong itu. Gong ibu dan anak. Ianya sepasang.

FA : Adakah semua alat muzik itu perlu ada di setiap persembahan Mak Yong?

R : Ya (tanda betul) perlu ada.

FA : Sebagai seorang penggiat seni makyong, apakah lagu yang biasa dimainkan ketika persembahan diajalankan?

R : Biasanya nyanyian mengadap rebab, Sedayung Mak Yong, Sedayung Pak Yong, barulah ada kalau dulu dia ada Jarah _ Awang, kita pun buat, memang ada lepas itu baru ada Barat .

FA : Mula-mula persembahan lagu apa?

R : Lagu mengadap rebab. Lepasitu bangun berdiri sambung dengan Inang-inang pula menyanyi.

FA : Mami sekarang boleh menari lagi?

R : Boleh la (ketawa)

FA : Boleh tak kami tahu serba sedikit macam mana lirik lagu Mak Yong yang dimainkan ?

R : Lirik dia macam ini. "*Bong wei... Membalik tipo gak ..* " [Mami menyanyi sebaris lagu]. Ada lagi di awal-awal tapi yang lain kebanyakan dia menyanyi *je* [sahaja] tiada tarian.

FA : Mami masih bersemangat dalam bidang ini?

R : Tak tahulah jiwa.

FA : Mengikut jiwa Mami?

R : Ya (tanda betul) mengikut jiwa (ketawa)

FA : Lagu-lagu itu guna Bahasa apa?

R : Bahasa *Kelantan* [Malaysia]

FA : Oh, banyak Bahasa Kelantan?

R : Ya (tanda betul). Dia kalau Bahasa baku macam tak sedap. Dia takkan jadi *pure* [asli] Mak yong pula.

FA : Sebab Mak Yong asal dari *Kelantan* [Malaysia] kan?

R : Ya (tanda betul).

FA : Siapakah yang akan memulakan nyayian itu?

R : Pak Yong.

FA : Berapa lama Mami?

R : Dia kalau mengadap rebab yang sekarang ini dalam *lima belas* [15] minit. Kalau dahulu kala, setengah jam pun taktahu lagi (ketawa). Dia panjang, lagu itu panjang. Kita buat juga sekarang, kira kita ambil yang betul macam *pure* [asli].

FA : Mami, kalau menari itu ada tempoh latihan tak?

R : Adalah .

FA : Lama tak?

R : Menari itu tak lama sangat tetapi menyanyi itu yang lama.

FA : Kiranya Mak Yong ini banyak sifat menyanyi lagi dari menari?

R : Ya (tanda betul). Menari budak-budak sekolah pun boleh, tetapi kalau menyanyi itu -- dah tahu lah. Dia kena ada lenggok dia.

FA : Lenggok dia Mami boleh buat lagi ke sekarang?

R : Mestilah boleh. (ketawa)

FA : Di manakah tempat yang selalu dijalankan untuk membuat latihan Mak Yong?

R : Kita memang kat sini memang ada tempat latihan dia. Dan macam memang dah ada tempat lah.

FA : Jadi memang semua akan berkumpul dekat situ lah?

R : Ya (tanda betul).

FA : Adakah sesuatu tempat itu memainkan peranan penting dalam persembahan seni Mak Yong atau tidak memberi apa-apa kesan? Contohnya memang tempat Mak Yong ke sejarah dia ke?

R : Tiada lah juga. Kalau tempat orang jual ikan kita nak berlatih itu bukan la. Lain laa jadinya. Cari tempat yang sesuai lah. Tempat itu tidak bising. Kita nak mengajar pun senang.

FA : Adakah Mami akan terus bergiat dalam akademik ini?

R : *Inshaallah* [Dengan Izin Allah] kalau masih mampu masih bertahan.

FA : Kalau dengar lagu masih bersemangat?

R : Taktahu lah Mami mungkin kerana perjuangan arwah suami Mami, Mami terpaksa berkorban. Dulu Mami memang tapi berfikir apabila dia pernah berpesan, kita tak nak ubah apa yang ada di dalam Al-Quran tapi cari makan buat sahaja. Kita mungkin semangat ikut itu lah. Jadi, Mami macam semangat.

FA : Kiranya dulu Mami selalu *follow* [mengikuti] suami Mami?

R : Ya (tanda betul) selalu kami buat *show* [persembahan]. Dia Peran tersohor. Peran Tua, pemain rebab semua dia boleh.

FA : Dia boleh main?

R : Dia boleh segala-galanya. Dia mengajar di Aswara dekat *KL* [Kuala Lumpur, Malaysia].

FA : Dia memang minat lah bidang ini?

R : Ya (tanda betul) dia memang anak seni jati.

FA : Daripada keluarga dia lagi ke?

R : Keturunan. Contohnya kalau awak pergi persembahan Mak Yong, kalau orang sebut nama Saari bin Abdullah dan Rohaini, Mami ini orang mesti tahu. Keluarga tiada orang lain. Memang keluarga Mami. Yang Konsert Extravaganza di *KL* [Kuala Lumpur, Malaysia] tiada orang lain. Adik ipar Mami, anak saudara Mami, memang kumpulan ini je.

FA : Memang keluarga Mami ini memang ramai dan bergiat seini Mak Yong?

R : Arwah ini memang keluarga dia semua. Semua bergiat Mak Yong.

FA : Memang dah keturunan?

R : Ya (tanda betul).

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: CERITA RAKYAT

SNI : Okay, Mami ke bahagian ketiga kami akan tanya pasal cerita rakyat yang dipersembahkan dalam persembahan Mak Yong, boleh ceritakan macam mana Mak Yong mempersembahkan cerita rakyat itu?

R : Cerita rakyat itu ada separuh daripada asal - asal dah ada.

SNI : Dia ada dua belas [12] kan?

R : Dia ada dua belas [12] cerita dulu-dulu, tetapi kebanyakan tidak semua dia orang dulu-dulu bawak cerita ini, kerana kadang-kadang kumpulan itu dah bawak *pehe* [faham] *dok* [tak]? dia pernah main dan *wat-wat* [buat-buat] cerita, kumpulan ini pun sudah main buat cerita lain itu dia gabung tidak semestinya *satu* [1] kumpulan itu banyak cerita yang dibuat, orang dulu-dulu dia biasa kebanyakan untuk-untuk berubat *je* [sahaja], macam dewa muda, dewa pencil.

SNI : Dewa muda itu pasal cerita apa?

R : Cerita kisah dia macam dia dewa muda ini dia *nak* [hendak] pergi apa dia macam ada mimpi lah mimpi dia sesat dalam hutan dia mimpi dia sesat dalam hutan itu dia *suruh* [menyuruh] *gi* [pergi] buru kijang emas.

SNI : Dewa muda itu dari mana asal dia?

R : Asal dia macam cerita (bunyi telefon) dia anak *pada* [kepada] tok raja Jawa ibu dia Tuan Puteri Selindungan Bulan.

- SNI : Selindungan Bulan, cerita dia mengisahkan apa dewa muda ini?**
- R : Dia mengisahkan dia *nak* [hendak] mimpi dia ada seorang puteri dia tergilakan puteri itu sehinggakan dia--
- SNI : Rasa cintalah kisah dewa muda ini?**
- R : Orang tua *maghi* [datang] dalam mimpi suruh pergi naik wau beremas, apabila dia menaiki wau beremas dia naik je [sahaja] wau beremas lekat di kayangan, ini cerita dewa-dewalah kirakan, lekat di kayangan dia terpaksa naik juga kerana dia *nak* [hendak] ambik wau dia. Dia ada *dua* [2] orang sorang lagi itu apa ini Awang Sejambul Lebat dia *dua* [2] orang pergi, dia naik atas itu dia berjumpa dengan--
- SNI : Watak-watak dalam cerita dewa muda ini ada berapa?**
- R : Watak dia ada dewa muda *hok* [yang] perang dua [2] orang apa Tuan Puteri Ratna Emas, Awang Sejambul Lebat.
- SNI : So [jadi] Puteri itulah yang dia mimpikan?**
- R : Puteri itulah dia sebenarnya anak kepada Bota raksasa atas kayangan.
- SNI : Apa dia punya ending [penamat] dia Dewa Muda ini macam mana?**
- R : *Ending* [penamat] dia itu *ending* [penamat] dia apabila dia selalu berjumpa dengan tuan puteri atas di kayangan dia pon satu masa dia *nak* balik turun ke

bumi lah tetapi apabila dia *nak* [hendak] turun ke bumi itu ada macam inang dia letak macam macam racun lah “latik bab” orang panggil tahu? Dia turun pada itu dia terkena dia tidak sedarkan diri ibarat kata dia pengsan, Awang Sejangbul Lebat bawak turun ke bumi masa itu dia Tuan Puteri Ratna Emas dapat tahu yang Dewa Muda ini macam mati lah, dia pun turun ke bumi dia pulihkan balik Dewa Muda ini lepas itu adalah simbolik dalam cerita itu dia pun balik *dua* [2] itu semula, ada separuh citer ada separuh cerita Ratna Emas naik balik ke kayangan ada separuh *citer* [cerita] senang *kat* [dekat] situ.

SNI : **Dia ada *dua* [2], cerita yang kedua Dewa Pencil, boleh Mami ceritakan serba sedikit?**

R : Dewa Pencil mengisahkan keluarga lah, macam menantu mak mertua ini dia tidak sukakan menantu dia sebab menantu dia pemalas lah sebab dia tidak *bape* [seberapa] rajin bekerja dia berkenan dengan orang lain dia *suruh* [menyuruh] anak dia itu kahwin dengan orang lain ada simbolik di situ dia halau lah halau menantu dia sedangkan menantu dia ini seorang orang yang kira bijak pandai lah, orang dewa-dewa juga sampai satu masa dia *dah* [sudah] apabila semua berlaku dalam keadaan banyak la pergolakkan itu akhir sekali mak mertua dia ini ikut menantu dia balik asal lah dengan dengan isteri dia apa.

SNI : Tentang kekeluargaan la Dewa Pencil ini, so [jadi] cerita ketiga Dewa Sakti, apa yang cerita Dewa Sakti ini?

R : Dewa Sakti ini cerita ini jee [sahaja] dia banyakkan ada macam ada kita panggil Bongsu Sakti pun kita panggil dia ada dua [2]

SNI : Kenapa bongsu?

R : Dia tuan puteri, raja-raja tu nama Raja Bongsu Sakti

SNI : Keturunan anak raja la Bongsu Sakti ini?

R : Anak raja jugak dia jenis cerita cerita kayangan dia pergi satu [1] tempat itu tengok tuan puteri itu mandi dia wak (bawa) lari baju tuan puteri duk [tengah] mandi kemudian apabila tuan puteri sedar baju tidak ada dia nak [hendak] mintak [minta] dia sudah tahu orang itu curi tetapi dia wi [bagi] syarat la nakkan [hendak] baju awak kene [perlu] kahwin dengan dia cerita ini dia banyakkan cerita macam ada hanuman kera putih pun dalam cerita ini.

SNI : Tentang cerita Raja Tangkai Hati mengisahkan apa?

R : Raja Tangkai Hati mengisahkan dia ini dipukau oleh Tuan Puteri Bota dia ini sebelum dia pergi belayar dia sudah berhenti satu tempat macam pulau lah dia apabila sampai pulau itu apa Bota. Bota tu macam wanita lah jin jenis watak jin dia menjelma menjadi_

SNI : Bota tu nama ke?

R : *Ya* [tanda setuju] nama, Tuan Puteri Bota dia bertukar menjadi wanita cantik dia goda anak raja Tangkai Hati (bunyi mikrofon jatuh) nama dia lah, apabila dia goda sampai Raja Tangkai Hati itu berjanji nanti dia pergi belayar balik belayar dia akan singgah ambil dan berkawin dengan tuan puteri tetapi apabila sampai ke negeri lain Raja Tangkai Hati tu nikah dengan orang lain anak orang lain dapat dua [2] orang anak *pahtu* [selepas itu] masa dia nak balik ke negeri dia semula *lalu* [jalan] balik *kot* [ikut] pulau itu *wat* [buat] Tuan Puteri Bota marah lah pasal tidak berhenti dia pun buat *satu* [2] sihir kapal yang Raja itu lalu berhenti tidak boleh bergerak dia pun tukar diri dia menjadi bunga, goda anak dia *dua* [2] orang ini masa tengah mandi *nak* [hendak] *suruh* [menyuruh] ambil capai bunga *pasal* [sebab] dia nak *wat* [bawa] lari ibu dia ini.

SNI : Dia ada unsur sihir la dalam cerita ini?

R : Dia ada unsur sihir *jugak* [juga].

SNI : Ada nama lain tidak selain Tangkai Hati nama raja ini sendiri?

R : *Tak ada* [tiada].

SNI : Cerita pasal Dewa Indera Indera Dewa?

R : Indera Dewa cerita *dua* [2] beradik dia macam *nak* [hendak] pergi memburu dalam hutan apabila dia berjumpa dengan seorang puteri yang telah pengsan dia pulih yang abang pulih itu Dewa Indera yang pulih tiada sedar adik dia yang

Indera Dewa pulih yang sedar sebelum apabila yang tuan puteri sedar dia berebut *nak* [hendak] kahwin bergaduh la adik beradik cuma abang adik dia *nak* [hendak] tahu setakat mana kasih sayang *ke* [kepada] dia kerana perempuan dia rela abang dia pukul dia (bunyi geseran gelang mami).

SNI : Kalau tentang Dewa Panah?

R : Dewa Panah itu kisah dia macam apa bergaduh dengan burung.

SNI : Burung apa itu?

R : Burung – “Burung apa langkah sungkar apa nama?” (Mami bertanya kepada anak buah dia) “Helang sekapa” (suara anak buah Mami menjawab) burung helang sekapa.

SNI : Kenapa dia bergaduh sebab apa?

R : Dia - macam mana ? Lintas gunung (Suara anak buah Mami menyampuk) Sebab dia *nak* [hendak] pergi *satu* [1] tempat dia *kene* [perlu] lintas gunung yang burung *kene* [perlu] *duk* [duduk] tengah orang *kelate* [Kelantan] *kato* [kata] duduk *ngere* [mengerang] telur *dio* [dia] nanti dia marah “Bakpo nok masuk tepat aku?” “Kenapa mahu masuk empat aku” (Mami menunjukkan cara burung berdialog) situ tempat *dio* [dia] *berlawe* [berlawan]. Itu punca dia. (Mami gelak)

SNI : Cerita Gading bertimang?

R : Gading bertimang ini mengisahkan dia anak dia hilang ghaib anak pertama hilang dibuai, anak kedua pun hilang masuk anak ketiga tidak hilang dia niat kalau sekiranya anak ketiga ini tidak hilang dia akan bagi kepada gajah putih gading hitam dia *bubuh* [letak] nama “Gading Bertimang” nama tuan puteri ini.

SNI : Gading tu nama tuan puteri ke?

R : Gading nama gajah tetapi nama Tuan Puteri Gading Bertimang, dia bagi gajah - itu sebenarnya jelmaan adik-beradik dia *pasal* [sebab] dia *nak* [hendak] macam sudah ayah dia macam apa ayah dia ini macam sudah berniat dia takut tidak lepas ayah dia berniat dia terpaksa jelma diri dia menjadi gajah *wak* [bawa] lari adik dia *nak* [hendak] lepas niat ayah dia.

SNI : Gading bertimang ini pasal kehilangan anak?

R : *Pasal* [tentang] anak yang hilang anak kemudian anak yang ketiga dia sudah berniat sekiranya anaknya tidak meninggal tidak mati dia akan bagi kepada gajah putih gading hitam, niat dia lah

SNI : So [Jadi], ending [penamat] dia bagi tidak?

R : *Ending* [Penamat] dia akhir sekali ayah dia tidak tahu anak dia masih hidup memang sejak dari kayangan itu dia pun ada cakap dia ini sebenarnya ayahanda anak ayahanda yang ghaib dulu buai dulu dia cakap terpaksa menjadi gajah putih gading hitam mengamuk dalam negeri ini untuk melepas niat ayahanda

dulu baru dia tahu anak tetapi tidak *leh* [boleh] kahwin dengan anak dia, anak dia terpaksa kahwin dengan orang lain itu adik-beradik dia abang dia.

SNI : Kalau macam cerita Endeng Tejali, dia ada tiga kan?

R : Ya, dia punya ini anak Raja Gondang, watak Raja Gondang dia punya--

SNI : *And* [dan] *then* [kemudian] Tejali itu apa maksud dia ?

R : Endeng Tejali nama orang.

SNI : Nama anak raja ke?

R : Dia macam bukan sebenarnya *asal silah* [asal usul] raja ini ada hukuman untuk dia sebenarnya apabila dia raja perlukan dia raja lepas pada hukum yang dia pasung Endeng Tejali.

SNI : Dikatakan dengan anak Raja dengan Batak Raja Bongsu Sakti?

R : Dia ini apabila sudah pergi ke *satu* [1] tempat dia berjumpa dengan tuan puteri kahwin tuan puteri sebenarnya dia daripada dalam laut tuan puteri itu, dia kahwin dengan Endeng Tejali. Cerita macam dongeng la kalau kita benda tidak logik, apabila kapal dia berlayar sudah dipukul ombak, dia jatuh dalam *satu* [1] laut berkenan dengan tuan puteri kahwin, apabila kahwin--

SNI : Endeng Tejali itu berkenan *kat* [dekat] tuan puteri?

R : Tuan Puteri itu keturunan raja, keturunan macam naga, dia Endeng Tejali ini pasal raja dia ada *tiga* [3] beradik berebut harta berebut negeri *nak* [hendak] memerintah negeri. (*bunyi orang berjalan sambil bercakap*)

SNI : Anak Raja Gondang?

R : Anak raja ini anak kepada raja Endeng Tejali.

SNI : Ini semua anak dia ke?

R : Ya, semua.

SNI : Raja Muda Lakleng?

R : Raja Muda Lakleng kisah orang raja suka berjudi sampai dia tergadai negeri dia sehinggakan *satu* [1] masa sebenarnya dia pergi masa itu isteri dia mengandung apabila isteri mengandung dia minta *suruh* [menyuruh] bawa *pauh* [mangga] *pauh muda* [mangga muda] *ngandung* [hamil] tetapi dia pergi itu dia bawa ayam. Ayam itu dia buat *berlaga* [berlawan] sehinggakan dia kalah tergadai habis segala negeri dia isteri dia *gi* [pergi] tebus balik.

SNI : Isteri dia sudah tolong la?

R : Isteri dia makan masa lama dia tinggal isteri sampai bersalin anak itu sudah besar isteri dia dapat tahu isteri dia *pegi* [pergi] tebus bali, itu cerita dia, dalam

cerita Endeng Tejali ini dia ada macam *tokey* [bos] cina pun ada yang itu berbagai bangsa la situ.

SNI : Raja Besar dalam negeri Nyior Gading?

R : Ho Gading, H-O Gading, ini kisah tujuh beradik anak dia *tujuh* [7] beradik tujuh orang anak Raja Besar Ho Gading ini nama negeri kisah dia *tujuh* [7] beradik itu dia macam adik-beradik dia itu dengki adik bongsu. Adik bongsu *saja* [sahaja] boleh memerintah negeri itu sebab sekira ayah sudah meninggal yang ini sahaja yang boleh memerintah negeri, yang lain tidak boleh, dia adik abang-abang dia ini marah buat satu helah (*bunyi ekzos motorsikal*) bawa adik dia *gi* [pergi] ke padang luas buang adik dia ke dalam telaga.

SNI : Abang yang sulung ke?

R : Yang sulung, yang tengah dengan yang *enam* [6] orang itu buang adik bongsu.

SNI : Adik bongsu la yang kena?

R : Adik bongsu la yang kena jadi raja, ini kisah nabi, dulu kisah nabi Yusuf ke apa *tujuh* [7] beradik buang sampai *satu* [1] masa tok *peraih* [peniaga] sireh lalu tolong dia.

SNI : Tolong yang mana?

R : Tolong yang jatuh dalam telaga yang buang dalam telaga itu. Dia balik dia *oyak* [bagitahu] bagitahu ayah dia raja besar adik dia adik mati makan *ko* [oleh] *rima* [harimau] sedangkan dia sudah buang.

SNI : So [jadi] apa yang akan terjadi kepada adik dia ?

R : Apabila dia jatuh itu dia terpegang kepada batu. Dia boleh naik atas sedang *molek* [elok] tok *peraih* [peniaga] sirih dengan anak dia *nak* [hendak] menjaja sireh berhenti situ *nok* [hendak] minum air jumpa dia, *kara* [imba] naik *wak* [bawa] balik rumah dia duduk tetapi pasal dia ini bersidi sakti dia sudah pulih apa ini tok peraih [peniaga] sireh hidup susah makan orang kata kais pagi makan pagi dia pulih menjadi kaya, dia pun terkenal dengan raja muda memerintah kampung itu apa, satu masa raja itu terdengar *sapo* [siapa] *napok* [nampak] *sohor* [terkenal] sangat nama, *suruh* [menyuruh] orang pergi panggil dia, panggil la dia *maghi* [mari] *jupo* [jumpa] ayahanda dia ini, *jupo* [jumpa] ayah dia syak sudah macam muka anak dia, dia tanya-tanya memang anak dia, terkejut la kan ayah dia yang lain *oyak* [bagitahu] dia sudah mati dimakan *rimau* [harimau] *lepastu* [selepas itu] panggil. Dia pergi cerita la apa yang telah berlaku abang-abang dia hasad dengki dia *nak* [hendak] bunuh dia *gini-*

gini[(macam ini). Ayah dia pun panggil *hok* [yang] lain terkejut la adik-beradik lain, ayah dia pun pukul la *nak* [hendak] bagi hukuman *lepahtu* [selepas itu] dia sudah maafkan abang-abang dia cuma dengan syarat abang-abang dia tidak boleh memerintah negeri. Jadi hidup dengan senang *lepahtu* [lepas].

SNI : So [jadi] diorang bersama kembali la?

R : Bersama kembali lah tetapi hanya Raja Bongsu boleh memerintah negeri, adik beradik dia pun tidak boleh abang-abang tidak boleh

SNI : Bentara muda mengisahkan tentang apa?

R : Bentara muda dia lebih kurang *je* [sahaja] cerita dia.

SNI : Lebih kurang dengan yang mana?

R : Lebih kurang macam cerita Dewa Pencil Dewa Muda *gitu* [begitu] la, dia banyakk cerita Mak Yong ini lebih kurang je.

SNI : Semua ada kaitan ke dengan Dewa Sakti?

R : Yang ada kaitannya yang ini *je*[sahaja], ini. (jari menunjuk kepada nota di kertas)

SNI : Endeng Tejali?

R : Anak Raja gondang watak Raja Gondang, *hok* [yang] lain itu kira lain la.

SNI : Dalam setiap persembahan Mak Yong semua cerita ini dia akan habiskan dalam waktu yang sama?

R : Ya.

SNI : Setiap cerita itu?

R : Ya.

SNI : So [Jadi], rakyat Kelantan berpendapat bahawa cerita Mak Yong ini mempunyai hubungan yang erat dengan dewa-dewa tentang, adakah ia benar dengan peristiwa-peristiwa dulu , peristiwa ghaib?

R : Kemungkinan la kot kalau tidak macam mana dia boleh buat cerita tidak pun mungkin khayalan sahaja kan? (Mami bertanya) Masa dulu sebelum Mami mungkin orang dulu-dulu kita tidak tahu kadang-kadang ini kita nak [Hendak] buat macam mana untuk cerita nampak menarik “kita wak gini lah dewa-dewa lah ” (Mami berdialog) mungkin jugak hanya sebagai ni kan *nok* [hendak] *suruh* [menyuruh] menarik lagi.

SNI : Contoh peristiwa ghaib itu Mami, contoh dia?

R : Contoh dia, tidak ada lah, ghaib macam mana? (Mami bertanya kembali)

SNI : Dalam, contoh dalam setiap cerita itu ada tidak perkara ghaib?

R : *Tak ada* [tiada].

SNI : Tiada lah dia selit peristiwa-peristiwa ghaib itu?

R : Atas jalan cerita la yang sudah ada, biasanya cerita-cerita ini memang la kita ikut dia tetapi boleh buat cerita semasa.

SNI : Mak Yong ini dia telah wujud sebelum penyebaran agama Islam ke tidak dekat Malaysia ini? (*bunyi suara orang luar berkeliaran*)

R : Dekat Malaysia dia sebenarnya wujud daripada tahun *lapan belas* [18] berapa eh? *Lapan belas* [18] Masihi zaman Cik Siti Wan Kembang masa itu.

SNI : Dari mana sesuatu cerita itu diperoleh ?

R : Dia ada Mami cakap, mungkin orang tua dulu dia nak [hendak] buat cerita orang kan ramai macam awak sikit *nak* [hendak] cerita apa yang itu sikit daripada situ lah punca sebenarnya (suara orang luar menjerit) kan yang duduk apabila dia buat satu cerita mungkin Indera Muda apabila dia buat cerita malam ini orang lain kumpulan lain “Eh sedap jugok cerita yang dia bawak, kita buat juga lah” (Mami bagi contoh dialog) Mami itulah jadi *ko* [kepada] merebak-merebak jadi macam kekal itu.

SNI : Cerita itu tetap sama atau diubah sedikit berbanding dengan zaman dulu?

R : Tetap sama, cuma kalau kita ubah sedikit pun nyanyi la kalau yang panjang kita pendekkan itu sahaja.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PERJUANGAN MAK YONG

SNI : **Mami bahagian akhir sekali ialah kami akan tanya perjuangan Mak Yong, maksudnya sebelum Mami mula-mula Mami masuk Mak Yong ini Mami perlu masuk kumpulan ke atau Mami masuk mana-mana *group* [kumpulan] ?**

R : Mula-mula masa itu umur Mami *lima belas* [15] tahun lah kira habis sekolah 16 kira Mami masuk Kumpulan Sri Temenggung, mula sekali ya untuk masuk Mak Mong masuk Sri Temenggung selepas itu banyak la Mami jelajah Mami kerja *KL* [Kuala Lumpur, Malaysia] apa Mami duduk Melaka [Malaysia] pun Mami buka kumpulan, jiwa--

SNI : **Kumpulan apa?**

R : Kumpulan Hanisan Sari masa di Melaka kemudian Mami balik sini *kitorang* [kami] buka pula kumpulan Mak Yong Sri Temenggung *dua* [2], ini Mak Yong Sri Temenggung *dua* [2] kerana kita melibatkan keluarga arwah suami Mami sahaja tidak terlibat dengan keluarga arwah Kak Jah nombor *dua* [2], kemudian sudah arwah suami sudah meninggal apa Mami pun tubuh lah kumpulan Mak Yong Warisan Sari sempena nama arwah suami Mami dengan keluarga Mami yang Mami betul-betul giat lah.

SNI : Maksudnya Warisan Sari ini yang memperjuangkan Mak Yong sekarang ini?

R : Warisan Sari itu lah memperjuang Mak Yong sehingga diiktiraf oleh *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization] masa diumumkan *UNESCO* kita diiktiraf *kitorang* [kami] baru *duk* [tengah] *rehearsal* [raptai] *nak* [hendak] pergi ke *Sarawak* [Malaysia]. Jadi kumpulan *kitorang* [kami] yang pertama dapat tahu, berita gembira ini.

SNI : Sebelum wujudnya kumpulan Warisan Sari ini ada tidak kumpulan lain terlebih dahulu memperjuangkan Mak Yong?

R Ada.

SNI : Kumpulan apa itu?

R : Kumpulan – apa nama Cik Kemala, Som kumpulan Som Kenangan, kumpulan apa nama – banyak lah kumpulan tidak ingat, memang masa itu banyak kumpulan bukan kata kumpulan kita *saja* [sahaja], kita ini sudah peringkat keberapa sudah, sebelum ini banyak lagi la kumpulan-kumpulan Mak Yong.

SNI : Kumpulan itu ada dekat negeri lain tidak kumpulan-kumpulan semua Kelantan?

R : Kelantan *je* [sahaja].

SNI : Mami cakap ada pengiktirafan daripada mana-mana pihak tadikan *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization]?

R : Ya. *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization].

SNI : Masa bila itu?

R : *Dua puluh lima November tahun dua ribu lima* [25 /11/2005].

SNI : Bentuk pengiktirafan itu *macam mana* [bagimana] bentuk dia?

R : Dia macam bagi bajet untuk *sepuluh* [10] tahun ke lima [5] tahun *gitu* [begitu] lah bajet dia bagi peruntukan dia bagi untuk kita buat semua bergiat dalam Mak Yong apa yang kita nak [hendak] buat satu sesi bengkel nyanyi ke, bengkel apa muzik ke tentang Mak Yong – *bukok* [buka] kumpulan ke semua atas bajet itu lah.

SNI : Kiranya kumpulan Mami ini merupakan generasi yang keberapa?

R : Kalau *nak* [hendak] kira kumpulan Mami ini ketiga la kot *ngan* [dengan] budak-budak baru ini keempat.

SNI : Fungsi utama kumpulan ini ditubuhkan?

R : Untuk ini lah tidak bagi hilang kesenian yang terpaksa kita tubuh tidak akan tahu *gapo* [apa] itu Mak Yong.

SNI : Rata-rata penari Mak yong ini berasal daripada mana?

R : Daripada *Kelantan* [Malaysia] la.

SNI : Daripada luar *Kelantan* [Malaysia] ada tidak?

R : Luar *Kelantan* [Malaysia] tidak ada.

SNI : Dari segi perbezaan seni budaya kita dengan seni luar tu bagaimana, macam Mak Yong kan ada daripada *Kelantan* [Malaysia], ada daripada Thailand?

R : Dia macam ini kalau daripada Thailand dia kadang-kadang dia air dia bercakap itu seakan-akan Thailand lah sikit tetapi sama juga dengan *Kelantan* [Malaysia] juga.

SNI : Jalan cerita dia?

MAMI : Jalan cerita pun lebih kurang sama.

SNI : Bahasa dia?

R : Bahasa itu kadang-kadang lain sikit la.

SNI : Tempat persembahan seni Mak Yong itu dimainkan *kat* [dekat] mana sepanjang Mami bergiat aktif dalam ini?

R : Kita *beso* [biasa] main di kawasan padang lah macam pesta *tujuh* [7] *umo* [umur] di hotel-hotel tempat-tempat orang kata dia macam ada eksklusif ada yang tidak masa persembahan itu.

SNI : Tempoh bagi setiap persembahan itu?

R : Tempoh kalau sekarang ini *dua* [2] jam lah, orang kata dulu *dua* [2] jam suku pun kira dah lama sekarang kalau dulu macam saya cakap lah berhari-hari baru *nak* [hendak] habis, *tiga* [3] malam baru habis *satu* [1] cerita.

SNI : Sebagai seorang pemain seni Mak Yong, kriteria yang perlu ada pada setiap orang?

R : Mestilah seorang yang cukup sifatlah, katakan macam tetapi masa dulu Mami ingat tidak pentinglah sangatlah orang gemuk *gapo* [apa] janji dia minat kan tetapi sekarang ini *nak* [hendak] orang comel-comel *dok* [tidak], dia ada bakat boleh nyanyi, *nari* [menari] tu *takpo* [tidak apa] lah nyanyi itu utama.

SNI : Dia lain sikit ke dengan sekarang berbanding dulu?

R : Dulu tidak kisah orang gemuk tidak apa janji dia minat *nak* [hendak] belajar dan sekarang ini orang gemuk-gemuk orang tidak pandang apa-apa pun atas pentas. (Mami ketawa)

SNI : Bagaimana Mami jaga anak-anak buah Mami?

R : Macam ini Mami mengajar budak-budak ini selepas itu Mami tidak kata macam paksa cuma Mami bagitahu *gini-gini* [begini] – Mami suka dia buat cara orang kata tidak dipaksalah dia buat secara rela dia macam mana *nak* [hendak] buat kemudian lepas itu Mami bagitahu dia “Awak tidak boleh buat begini” (Mami bago contoh dalog dengan anak buah) Mami suka bagi kebebasan budak-budak Mami.

SNI : Tidak ada jadual ke?

R : Ado jadaua la itu ada lah cuma masa lakonan apa kita bagi dulu, kita *nak* [hendak] macam- macam ini dia buat dulu, kemudian barulah kita tegur “Awak tak kene *gini* [begini] awak kene buat *gini* [begini]” (Mami bagi contoh berdialog dengan anak buah) Mami suka bagi kebebasan.

SNI : Macammana sekiranya kalau seseorang itu *nak* [hendak] menyertai kumpulan Mami?

R : Dia *kena* [perlu] isi borong lah.

SNI : Selain itu?

R : Selain itu, kalau kita -- luar ini dia boleh masuk *gitu* [begitu] *je* [sahaja] dia bagitahu dia *nak* [hendak] masuk.

SNI : So [Jadi], siapa yang masuk dalam kumpulan Mak Yong ini dengan bakat sedia ada ataupun macam mana, *kena* [perlu] latih dulu ke?

R : *Kena* [perlu] latih dulu ada juga yang tidak ada bakat tetapi dia sudah minat ada yang tidak ada bakat tidak tahu benda menari keras apa tetapi bila dia sudah minat dia usaha boleh masuk.

SNI : Adakah Mami sendiri yang akan memilih seseorang itu menyertai Warisan Seni?

R : Mami sendirilah.

SNI : Tidak ada bantuan daripada sesiapa?

R : Ada, panggil sorang dua lagi tengok *macam mana* [bagaimana].

SNI : Ada tidak yang *nak* [hendak] mempelajari seni Mak Yong ini dari negeri lain selain negeri Kelantan [Malaysia]?

R : Ada.

SNI : Dari negeri mana itu?

R : Dari *Kuala Lumpur* [Malaysia].

SNI : Kuala Lumpur *je* [sahaja]?

R : Kuala Lumpur, di *Perak* [Malaysia] ada Mak Yong yang *UPSI* [Universiti Pendidikan Sultan Idris] punya.

SNI : Maksud saya tadi pemilihan itu dari segi mana Mami?

R : Pemilihan pada segi perwatakan dia la, cara dia. Kita buat satu ujian dia suruh dia nyanyi sikit ke tidak kira lagu-lagu apa -- tahu tempo ke kadang-kadang tidak tahu tempo itu pun walaupun kita mengajar berpuluh kali pun kalau orang tidak tahu benda *tok* [tidak] jadi *apo* [apa].

SNI : Biasanya kan persembahan Mak Yong siapa yang akan menonton pada zaman dulu dan zaman sekarang?

R : Kalau dulu semua golongan la pasal orang dulu-dulu tidak ada hiburan lain, sekarang ini setakat Mami duk bawa *gi* [pegi] jelajah *enam* [6] buah negeri kira *nak* [hendak] serata dalam Malaysia ini golongan itu jadi kira majoriti banyak orang muda sekarang ini.

SNI : Zaman sekarang?

R : Orang tua pun ada orang dewasa tetapi banyak orang muda.

SNI : Yang menonton ke bergiat aktif?

R : Yang menonton la.

SNI : Yang bergiat aktif ramai ke?

R : Ada, semua orang muda *belaka* [semua].

SNI : Berapa dalam setahun itu biasanya kumpulan Mami membuat persembahan? (bunyi orang berjalan)

R : Kita *gini* [begini] berpandu kepada permintaan la kalau banyak permintaan kerap lah kita buat pertunjukkan.

SNI : Biasanya dekat mana?

R : Biasanya yang kita pergi itu *kat* [dekat] *Perak* [Malaysia], *Pahang* [Malaysia] *Terengganu* [Malaysia].

SNI : Last [Akhir], persembahan Mami untuk tahun?

R : Bulan *lima* [5] ini *nak* [hendak] pergi ke Pahang Pesta Air Chenor.

SNI : Mami sendiri ke yang akan buat persembahan?

R : Mami mengajar *je* [sahaja], ada dah anak buah.

SNI : Cabaran yang selalu dihadapi oleh setiap penari pemain Mak Yong?

R : Cabaran dia itu kadang-kadang kita - takut jugak takut pergi satu-satu tempat takut tidak ada penonton ke pasal orang tidak faham kan, terasa macam kalau

sudah nampak orang ramai rasa macam lain sikit, kalau kita rasa orang tidak ramai sangat ini terasa la kan cabaran kita, “eh tak berjaya ke aku nok buat ni” (Mami berdialog).

SNI : Selain daripada penonton cabaran dia dari segi lain?

R : Dari segi lain itu tidak ada la sangat.

SNI : Pada pendapat Mami sendiri lah tentang seni yang terdapat dalam Negara kita ini, seni yang ada pendapat Mami sendiri?

R : Bagi Mami bagus lah kalau banyakkkan seni-seni lain tidak kiralah tarian ke silat ke, sebab benda ini orang kata warisan kita, orang lain orang putih luar negara cari kita *tok se* [tidak mahu] ambil tahu benda ini. Macam Mak Yong daripada Jerman mari ambil gambar kita macam tidak biasa, dia ambil gambar kita satu masa dia jual kita balik.

SNI : Daripada luar Negara ada yang tahu pasal Mak Yong?

R : Domentarinya.

SNI : Sebagai ketua kumpulan apa cara Mami untuk mengekalkan persembahan seni Mak Yong ini dalam kalangan generasi kini?

R : *Macam mana* [Bagaimana]? (Mami minta ulang balik soalan tadi).

SNI : Cara Mami untuk mengekalkan persembahan seni Mak Yong, apa Mami akan buat?

R : *Nak* [hendak] buat *macam mana* [bagaimana]? (Mami ketawa) Mami –

SNI : Mami selalu buat apa?

R : Selalu buat latihan, kerap buat latihan.

SNI : Ambik ahli baru ke, selalu *promote* [promosi] ke?

R : *Ya* (tanda setuju) memang lah kita terpaksa selalu *promote* [promosi] tidak kiralah untuk apa pun untuk orang tahu.

SNI : Sepanjang Mami bergiat aktif ini ada atau tidak perasaan jemu masa Mami buat dalam persembahan Mak Yong?

R : Jemu ? (Mami bertanya kembali)

SNI : Perasaan jemu macam bosan ke?

R : Buat masa sekarang ini belum lagi lah *Alhamdulillah* [segala bagi puji Allah] tidak ada apa lagi, kalau sudah jemu itu *kena* [perlu] berhenti sudah la (Mami ketawa) jaga budak-budak.

SNI : Dalam usia sekarang ini adakah anak-anak Mami mendorong Mami?

R : Ada.

SNI : Semua?

R : Ya, semua.

SNI : Ada tidak antara mereka yang mengikut jejak langkah Mami?

R : Semuanya ada tetapi yang lebih aktif sorang *je* [sahaja] lah.

SNI : Dia ada dalam kumpulan Warisan Seni ke?

R : *Ya* [tanda setuju], ada.

SNI : Mami berpuas hati tak dengan kejayaan yang ada sekarang ini?

R : Kejayaan yang Mami *nak* [hendak] kata berpuas hati itu tidak la semua sekali ada macam tidak puas hati lagi kan *nak* lagi dan lagi, sebab budak-budak ini masih baru banyak *kena* [hendak] belajar, tidak cukup setakat itu sahaja.

SNI : Apakah harapan Mami kepada generasi sekarang ini dalam persembahan seni Mak Yong?

R : Harapan Mami ialah *nak* [hendak] suruh orang itu terkenal ibarat boleh kata *gini* [begini] kalau orang kata Mak Yong semua orang tahu, ibarat itu kata dia itu sampin itu dari johor. Umpama *gitu* [begitu]. Harapan kita itu tinggi, tidak kata “Gapodio Mok Yong ni, tok pehe” (Mami berdialog) betul, Mami ingat Mami *gi* [pergi] *ngajar* [mengajar] di Sekolah Penambang - Sekolah Long Ghafar sekolah rendah dulu, tahun - rembat dikatakan gitar, sayang budak tidak tahu bukan rebat *dik* [adik] gitar, bukan gitar ini rebat, sayang la benda macam ini *diorang* [mereka] tidak tahu tetapi benda lain dia tahu.

SNI : Penerimaan Negara luar terhadap seni Mak Yong ini kira mampu ke tidak berkembang ke peringkat antarabangsa ?

R : Penerimaan Negara luar? (Mami bertanya kembali)

SNI : Daripada negara mana?

R : Daripada Jepun.

SNI : Hari itu Jepun ada buat apa?

R : Ada hari itu dia datang, dia buat tarian asyik, dia datang sini dia tengok macam *excited* [teruja] kita buat.

SNI : Mereka berminat la?

R : Ya, dia kata kita sayang lah kalau tidak jaga, tidak sorang lah ramai lah bagi itu kita.

SNI : Pengiktirafan?

R : Ya.

SNI : Pada pendapat Mami sendiri lah cara untuk Mami mengangkat seni ini ke peringkat lebih tinggi untuk orang negara lain kenal? Contoh buat bengkel ke kursus ke? Ada tidak?

R : Ada, *kitorang* [kami] selalu buat bengkel macam kita jelajah hari itu, kita buat dalam duduk *satu* [1] tempat itu *lima* [5] malam *lima* [5] hari *dok* [kan] kita buat lah bengkel tiga [3] hari bengkel dua [2] hari persembahan.

SNI : Dekat mana Mami?

R : Di *Pahang* [Malaysia], *Kedah* [Malaysia], *Pulau Pinang* [Malaysia], *Selangor* [Malaysia], *Sabah* [Malaysia] dan *Johor* [Malaysia], *enam* [6] buah negeri tahun *dua ribu dua belas* [2012] kita bergerak.

SNI : Ada tidak Mak Yong ini diperkenalkan dekat institut pengajian tinggi ?

R : Ada juga, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] kita pernah pergi, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara], *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] untuk tengok Mak Yong dia panggil.

SNI : Ada buat persembahan la?

R : Ya [tanda setuju].

SNI : Dengan adanya transkrip tentang seni Mak Yong daripada Fakulti Pengurusan Maklumat ini harapan Mami sendiri dalam tengok usaha kira usaha untuk mengamalkan seni Mak Yong ini ke peringkat lebih tinggi, macam mana harapan, kalau kami wujudkan transkrip ini? Mami rasa dengan adanya transkrip ini, apa Mami rasa harapan Mami?

R : Harapan Mami supaya orang mudah faham lah apabila dia macam ini macam ini *pahtu* [lepas itu] kalau dia *nak* [hendak] lebih *detail* [terperinci] dia akan berjumpa dengan tokoh-tokoh la, faham *dok* [tak]? Kalau dia rasa kita akan berjumpa lagi macam mana-macam mana.

SNI : Dalam kesenian ini Mami sandang jawatan apa? Pernah?

R : Dalam episod Mami Pak Yong, maksudnya dalam --?

SNI : Jawatan dalam kumpulan Mami?

R : Sebagai ketua la.

SNI : Bermula dengan seorang sebagai ketua la?

R : Bermula itu daripada biasalah selepas itu sudah buka kumpulan Mami jadi, lepas suami Mami meninggal itu Mami sudah ambil alih.

SNI : Pada tahun berapa Mami memegang jawatan sebagai ketua?

R : *Dua ribu lapan* [2008].

SNI : Adakah Mami akan teruskan untuk menaikkan nama seni Mak Yong ini?

R : In Sha Allah kalau dizinkan Allah lah.

SNI : Mami tiada niat untuk berhenti atau memberi peluang kepada orang lain untuk mengambil alih?

R : Memang ada la juga kita pon dah berumur orang kata, tetapi orang masih perlukan kita terpaksa la, masuk jabatan ini patut Mami sudah pencen *doh* [sudah] *enam puluh dua* [62] tahun sudah baru hari itu Mami pergi buat umrah kita rasa “Eh aku ini *nok* [mahu] *gi* [pergi] Mekah tapi fikir anak-anak kata tidak apa lah Mami itu tanggungjawab bukan Mami *main* [saja] *gi* [pergi] Mami ajar budak-budak” (Mami berdialog), kalau kita *main* [saja] *gi* [pergi] tu *napok* [nampak] kita sangatlah, itu Mami cekal hati *dah* [bila] anak kata *gitu* [begitu] tidak apalah cubalah.

SNI : Kalaulah suatu hari nanti Mami untuk diberi alih kepada siapa?

R : Ada, budak-budak Mami yang *dua puluh* [20] orang ini kebanyakan Mami sudah *diorang* [mereka] sudah tahu tidak kata tidak tahu benda kita sudah okay, “Mu kene *blaja* [belajar] ini benda ini macam ini daripada Pok Yong macam ini-macam ini. (Mami berdialog)

SNI : Apakah anugerah yang pernah Mami peroleh untuk Mami sendiri, diri Mami sendiri?

R : Tidak ada lagi.

SNI : Pencapaian Mami dalam Mak Yong ini?

R : Tiada.

SNI : Perancangan Mami untuk Mak Yong ni pada masa hadapan? Apa Mami akan buat?

R : Mami akan buat lebih pada kerap latihan suruh lagi bagi nampak mantap kalau orang tengok pun macam profesional, macam profesional tidak macam main-main kampung dia ada disiplin.

SNI : Mami ada menerima pingat atau apa-apa penghargaan?

R : Tiada.

SNI : Betul ke Mak Yong ini diiktiraf oleh *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization] sebagai warisan kebudayaan dunia?

R : Kesenian dunia, memang.

SNI : Semasa menerima anugerah itu apakah perasaan Mami?

R : Banggalah pasal benda itu kita tidak sangka sebab masa itu Mak Yong, Wayang Kulit yang *fight* [berlawan] masa itu apa sudah satu lagi , waktu itu Mak Yong boleh kita rasa macam menangis masa dia umum rasa macam tidak boleh *nak* [hendak] bercerita.

SNI : Mami ada sendiri la waktu itu?

R : Ya, Mami ada, *kitorang* [kami] ada latihan *rehearsal* [persediaan] untuk pergi ke minggu warisan rasa di *Sarawak* [Malaysia].

SNI : Anugerah itu diberi dekat mana?

R : Dia masa itu diumumkan kepada *kitorang* [kami] punya kementerian lah Kementerian Kebudayaan? Kemudian *diorang* [mereka] bagitahu kita masuk buat *rehearsal* [persediaan].

SNI : Mami ada cita-cita tidak untuk memenangi apa-apa lagi dalam bidang ini? Pencapaian lagi yang Mami hendak kalau boleh?

R : Kalau boleh, apa dia? (Mami ketawa) Tidak tahulah banyak sangat (Mami ketawa).

SNI : Mami ada buat persembahan dekat luar dari negeri *Kelantan* [Malaysia] kan? Contoh dia dekat mana yang selalu, yang kerap?

R : Yang selalunya kitorang pergi yang kerapnya *KL* [Kuala Lumpur, Malaysia] lah.

SNI : Buat persembahan ke atau latihan atau bengkel?

R : Buat persembahan.

SNI : Macam mana?

R : Tapi ada Mami pergi ke *Medan* [Indonesia] sekali buat Mak Yong.

SNI : Medan? Indonesia ?

R : Ya, Medan Indonesia.

SNI : Itu sebagai apa?

R : Persembahan lah.

SNI : Dijemput ke?

R : Ya, dijemput - dijemput.

SNI : Oleh siapa?

R : Oleh - lama Mami pun tidak ingat, itu yang warisan punya.

SNI : Daripada *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization] ke bukan?

R : Daripada, ya lah *UNESCO* [United Nations Educational, Science and Cultural Organization] juga tetapi melalui warisan.

SNI : Luar negara dekat *Medan* [Indonesia] *je* [sahaja] ke Mami buat persembahan? Selain itu tiada?

R : *Medan* [Indonesia], *Singapore* [Singapura] pun ada.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SOALAN TAMBAHAN

FA : Dari segi *make-up* [bersolek] lelaki dan perempuan itu ada beza tidak dari segi *make-up* [bersolek] mereka?

R : Memang ada beza pasalnya perempuan *make-up* [bersolek] dia macam cantik tetapi lelaki dia *make-up* [bersolek] macam muka lebih kelakar. Letak *crown* [mahkota] atau dia *bubuh* [letak] bedak putih macam titik-titik (Mami menunjuk gaya bersolek). Jadi dia *make-up* [bersolek] macam tak cantik. Orang akan tengok muka dia lucu.

FA : Untuk menarik perhatian?

R : Ya (tanda betul) untuk menarik perhatian. Begitu juga watak-watak jin. Watak jin itu dia *make-up* [bersolek] cara jin. Pakai tanduk ke rambut panjang ke. Muka dia buat macam benda menakutkan.

FA : Betul-betul macam jin?

R : Ya (tanda betul) betul-betul macam jin.

FA : Apakah pula yang dimaksudkan dengan pakaian Bota? Macam mana pakaian mereka (mereka)?

R : Bota ini macam atas ini (sambil menunjukkan gaya pakaian tersebut) buat macam tajam apa. Pakaian dia macam seakan pelik untuk menampakkan dia seorang yang besar walaupun dia berbadan kecil. Kita akan *bubuh* [letak] barang supaya dia nampak lagi tinggi dengan rambut panjang jutai (berjuntai) dengan *make-up* [bersolek] seperti bota dengan kening dan ada taring. Kita *make-up* [bersolek] supaya benda itu nampak *real* [benar].

FA : Kenapa nak suruh nampak besar?

R : Dia seorang yang ini--, jadi memang nak suruh nampak besar. Supaya orang takut. Biar nampak gah. Kalau kecil-kecil orang tak takut.

FA : Apakah yang dimaksudkan dengan pakaian Peran?

R : Pakaian Peran ini dia macam ini baju seluar kemudian dia ada *vast* [rompi] macam *coat* [kot], *pah* [selepas itu] dia ada sampung. Sampung _. Dia ada batik lepas letak atas bahu dengan *satu* [1] ikat di pinggang. Dan *satu* [1] macam songkok ke kopiah letak atas kepala.

FA : Tidak kisah la warna apa pun?

R : Ya (tanda setuju) tidak kisah tapi tengok atas watak dia. Contohnya dia Peran tua dia akan cari warna seakan-akan tua sikit. Kalau Peran Muda dia cari warna ceria sikit. Kalau Peran tua pun *gitu* [begitu] *jugok* [juga] *make up* [bersolek] dia. Kalau Peran tua dia tidak ada belit-belit. Putih-putih sikit. Walaupun muka dia ada conteng-conteng sikit nampak kelakar pun, dia ada watak macam orang tua.

FA : Setiap watak ada pakaian tersendiri? Macam Pak Yong ada *costume* [pakaian] dia. Mak Yong ada *costume* [pakaian] dia?

R : Ya (tanda betul) memang ada lah. Macam Pak Yong dia ada *doh* [sudah] pakaian dia. Macam watak contohnya orang itu nak jadi Inang. Inang tua dia ada pakaian dia.

FA : Dari pakaian itu, ada maksud tersirat ke?

R : Kalau nak kira, tidak ada lah juga. Tapi kalau Pak Yong itu *kena* [perlu] ada lah sebab dia pakaian khas untuk dia.

FA : Sebab dia memainkan peranan penting kan?

R : Ya (tanda betul).

FA : Mami sebelum ini Mak Yong memulakan persembahan ada ke kena pakai bedak ke atau baca ayat untuk menaikkan seri. Betul ke? Sebab kami ada baca dalam blog mengatakan Mak Yong memakai bedak atau baca ayat untuk menaikkan seri?

R : Ya (tanda betul). Memang ada lah. Orang dulu-dulu. *Pasal* [sebab] Mami pun masa muda-muda pernah terlibat dalam benda ini. Sebab masa kita muda, orang itu sebaya dengan Mami, kita pernah tengok pernah terlibat. Dulu-dulu mana ada *make-up* [bersolek] macam zaman sekarang. Dia ada bacaan dia untuk menaik seri. Dia ada ayat sambil dia *make-up* [bersolek] dia akan baca dan juga kalau nak kira dulu-dulu lagi dia nak buat *celok* [alat kosmetik] , dia pakai ini *je* [sahaja] sirih dan sirih itu layang api. Kemudian hitam itu, dia pakai. Dulu ini cerita zaman dahulu. *Lepas itu* [Selepas itu] warna merah ini apa orang panggil, macam kertas merah ini dia buat *lecu* [gincu] *lesek* [calit] jadi merah. Dulu mana ada nak beli. *Pah* [selepas] bedak pun macam *gitu* [begitu]. Inang tua dia pakai *bedok* [bedak] dia buat putih sini (sambil menunjuk muka) , *lepasitu* [selepas itu] tembakau dia gentel-gentel dia *bubuh* [calit] . Dia macam untuk nak suruh nampak kelakar. Dulu lah, tapi sekarang orang dah tak buat. Nak *lawe* [cantik] kan.

FA : Ada unsur-unsur kelakar ke?

R : Ada dia biasa kalau kelakar yang puteri dengan inang-inang lah. Takkan semua nak serius. Macam kehidupan kita hari-hari ada yang ceria. Ada yang kelakar begitu juga dengan Mak Yong.

FA : Cara tarian Mami? Boleh bagitahu tak?

R : Tarian pun *satu* [1] juga. Kalau macam Pak Yong tangan dia macam dekat mata. Kalau tuan puteri dia turun sikit. Paras dada. Kalau orang tidak tahu, semua macam ini *je* [sahaja]. Dia kalau Pak Yong dia tinggi sikit. Mata tengok. Kalau Mak Yong turun sikit.

FA : Semasa persembahan itu boleh senyum tak?

R : Boleh. Tak ada masalah.

FA : Tiada pantang larang ke?

R : Yaa (tanda setuju) tidak ada pantang larang. Sama macam Peran. Peran itu pengasuh lah. Ada tarian dia.

FA : Jadi *satu* [1]-*satu* [1] watak itu ada tarian masing-masing?

R : Ya (tanda betul) ada tarian masing-masing. Macam tarian Barat anjur barat cepat. Dia ada tarian masing-masing.

FA : Boleh saya tahu apa maksud Peran sebenarnya?

R : Peran itu maksud dia pengasuh. Pengasuh pada raja. Apa-apa raja akan bertanya kepada pengasuh *dulu* [dahulu]. Kata lah kalau raja itu tak ingat negeri mana. Contohnya kalau tak ingat nama diri dia. Kadang-kadang kalau kita berlakon kita tak ingat nama, Peran ini akan tolong dia. Dia juga Ku. Bukan Ku yang berasal daripada negeri *hok* [yang] Gading kan, bagi ingat balik kepada raja dalam persembahan la cerita ini. Dia ada memainkan peranan. Walaupun dia *oyak* [bagitahu] dia nak pergi ke Padang Luas, dia nak keluar dari Istana Padang Luas, dia akan jumpa *satu* [1] simpang. Dia akan tanya pada Pengasuh.

“Jatuh ke mana jatuh kita awang” (Mami berdialog).

Pengasuh akan menjawab,

“Sudah jatuh ke Padang Luas ke sana jatuh awang”

“Jadi hamba nak tahu jalan mana hamba nak pitah ini Awang” (Mami berdialog).

Pengasuh *oyak* [berkata]

“Kita sudah sampai di Cabang Empat Pusingan tiga ini Ku,

tapi gak Ku kita ini nak gi ke alah sunyi Ku ” (Mami berdialog).

Jadi Pengasuh akan oyak [berkata]

“ ke kanan jatuh ke sini, sebelah kiri atas laut, jalan tengah Taman Bunga”

Dia *keno* [perlu] tahu, itu wajib untuk *Peran* [Pengasuh].

FA : Dia biasakan nama Ku dan Awang? Memang adab dia ke?

R : Yaa. Memang biasakan Ku dan Awang. Contohnya Patik, raja biasakan Hamba.

FA : Memang dia ada syarat ke?

R : Dia memang ada cara dia.

FA : Dulu dan sekarang tarian dia masih sama ye Mami?

R : Tak sama. Sebab dulu-dulu mengadap rebab dia *gini* [begini] (menunjukkan lenggok tangan). Mak Yong dan Inang kat belakang untuk mencantikkan lagi, kita buat la biar nampak gah. Nampak tak? (sambil menunjukkan tarian). Dulu biasa *jah* [sahaja]. Sekarang nak suruh cantik lagi, benda itu biar nampak menarik dan profesional, kita terpaksa buat lagi gah lagi meriah.

FA : Ok daripada dulu?

R : Ya (tanda betul) tapi kalau nak kira dengan orang dulu-dulu, dia marah la dia kata kita dah mencemarkan Mak Yong. Padahal tidak ada pun. Takkan la awak selama-lama macam itu kan? Ibarat kata macam *orang-orang luat mat saleh* [orang berkulit putih] kata kita ini tidak mengikut peredaran masa lah.

FA : Mami sebut pasal rebab tadi. Rebab itu bentuk dia macam mana?

R : Ok rebab itu bentuk dia sebenarnya seakan-akan seorang wanita. Dia ada kepala, telinga, badan dan ada kaki. Dia seakan-akan.

FA : Adakah bentuk dia sama dengan gitar [alat muzik] ?

R : *Gitar* [alat muzik] tali dia *empat* [4]. Dia *tiga* [3] sahaja. *Tiga* [3] pun dia ada simbolik dia. *Satu* [1] simbolik dia ialah tanah, air, api. Angin itu tak ada. Gitar ada *empat* [4] kan tanah, air, api dan angin. Rebab dia ada *tiga* [3]. Yang angin dia sembunyi.

FA : Apa maksud untuk tanah,air dan api ini?

R : Dia ialah perubatan. Angin itu diri kita lah. Kita bermain bunyi itu.

FA : Rebab ini diperbuat dari apa?

R : Rebab diperbuat daripada kayu. Kayu nangka pun orang buat juga. Kemudian dia punya tempurung dia itu, dia buat dengan kulit. Dengan kulit kambing pun ada. Kulit lembu pun ada. Separuh kata kalau kulit kambing ini sedap sebab dia nipis.

FA : Boleh saya tahu tak jalan cerita Mak Yong?

R : Jalan cerita macam mana itu?

FA : Mami buat persembahan, cerita itu bermula daripada apa?

R : Kita nak buat persembahan itu (bunyi telefon bimbit). Sebelum buat persembahan, dah letak alat muzik *satu* [1] tempat. Masa nak keluar Pak Yong kena *duk* [berada di] depan. Orang lain belakang. Memang daripada dulu lagi Pak Yong yang akan berada di depan. Mula-mula akan buat bertabuh maksudnya bergendang untuk bagitahu yang Pak Yong nak turun. Bertabuh ini dia *seh gende* [bunyi gendang] untuk bagitahu yang Pak Yong nak turun *dah* [sudah]. Habis *seh gende* [bunyi gendang] Pak Yong keluar terus duduk kepada rebab. Mengadap kepada yang main rebab. Duduk *lepasitu* [selepas itu] tunggu sampai muzik dia sampai tahap dia akan menyanyi. Dia tahu muzik dia *kat* [dekat] mana dan menyanyi buat tarian sampai berdiri kemudian dia *ucap* [mengucapkan] dan bagitahu siapa yang nak pesan kepada dia. Dia nak keluarga istana. Yang Inang yang ikut tuan Puteri dia

akan menyanyi dalam lirik lagu dia itu tiada benda lain dah dia akan pesan

“Kalau nak keluar, keluar lah abe sikit tetapi ingat dahulu
hari adik di istana” (Mami berdialog).

Apabila habis yang lain masuk dalam. Tinggal lah Pak Yong *sorang* [seorang]. Pak Yong *sorang* [seorang] duk berdiri dan berpisah untuk pergi ke rumah Pengasuh tua. Dia nyanyi *satu* [1] lagu lagi. Pak Yong Muda ke. Habis lagu itu ada Barat. Barat menandakan dia sampai ke tempat itu, dia panggil lah Peran itu. Peran menyahut dan turun jumpa dia. Dia bagitahu panggil dia untuk buat *kecek kiro* [berbincang] sebab nak pecah upacara.

“mu gi panggil sain mu sore lagi” (Mami berdialog)

